

SIARAN AKHBAR

TIMBALAN PERDANA MENTERI LANCAR PANDUAN PANTAS PERMUDAH AMALAN ESG DALAM KALANGAN PMKS

PUTRAJAYA, 7 Februari 2024 – YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah melancarkan buku Panduan Pantas ESG untuk PMKS bagi mempermudah penerapan amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Buku Panduan terbitan SME Corp. Malaysia yang memperincikan langkah-langkah untuk PMKS memahami ESG dengan mudah ini telah dilancarkan oleh beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK) Bilangan 1 Tahun 2024 pada 5 Februari 2024 di Putrajaya.

Panduan Pantas ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya SME Corp. Malaysia dalam mempersiapkan PMKS dengan pemahaman mengenai kepentingan kelestarian serta amalan ESG. Menurut YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, “PMKS perlu melengkapkan operasi perniagaan dengan aspek berkaitan kelestarian atau penerapan ESG kerana kini ianya semakin penting berikutan kebanyakannya syarikat besar, syarikat multinasional (MNC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah mula menerima pakai amalan ESG dalam operasi perniagaan mereka. PMKS yang menerapkan amalan ESG bukan sahaja akan mempunyai impak sosial dan persekitaran yang positif, tetapi juga berpeluang menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan kerana keperluan firma besar untuk pembekal mereka menerapkan amalan ESG”.

“Kerajaan dengan sokongan padu daripada sektor korporat dan swasta, komited untuk terus membantu PMKS menerapkan amalan ESG termasuklah menerusi panduan ini, yang telah dipermudahkan khusus untuk PMKS yang selari dan melengkapi pelbagai panduan ESG sedia ada seperti oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti”, tambah beliau.

YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia pula berkata, “Panduan pantas ini mengandungi lapan (8) langkah mudah untuk firma memahami kepentingan ESG dalam perniagaan mereka, menetapkan objektif, mengenal pasti petunjuk (*indicator*) ESG yang berkaitan dengan perniagaan mereka, menghasilkan pelan tindakan kelestarian dan seterusnya menggunakan templat mudah untuk pelaporan ESG”.

“Panduan ini turut menyenaraikan 13 petunjuk asas yang boleh diguna pakai oleh semua PMKS dan pemilihan petunjuk adalah berdasarkan kesesuaian serta keperluan minimum operasi perniagaan PMKS merentasi semua sektor, jenis entiti dan saiz firma. Selain itu, ia juga merangkumi petunjuk penting untuk kemampunan perniagaan seperti faedah pekerja, budaya, pengurusan risiko dan perlindungan data yang kurang diamalkan oleh PMKS”, menurut Encik Rizal lagi.

Buku Panduan Pantas ESG untuk PMKS ini diterbitkan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Panduan ini boleh dimuat turun secara percuma apabila PMKS menjalani penilaian ESG di laman sesawang SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah

**Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my